

Headline	100,000 dijangkiti HIV		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 May 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	29	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	356 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,098
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,294



100,000 dijangkiti HIV

■ Seks rambang penyumbang terbesar penyakit AIDS

Oleh Mohd Fadly Samsudin
fadly@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Pada awal 1990-an, penyumbang terbesar penyakit AIDS ialah salah guna dadah akibat berkongsi jarum suntikan namun aliran itu berubah apabila jangkitan epidemik itu kini menular melalui hubungan rambang.

Ketua Jabatan Perubatan dan Pakar Perunding Kanan Penyakit Berjangkit Hospital Sungai Buloh Datuk Dr Christopher KC Lee berkata, terdapat tiga golongan utama yang berisiko tinggi menghidapi AIDS.

“Pertama, mereka mendapat jangkitan virus HIV melalui penagihan dan penggunaan jarum suntikan, heterosexual (hubungan seks pasangan berlainan jantina) serta pasangan gay.

“Biasanya masyarakat awam membayangkan pe-

nyakit AIDS di negara ini hanya disebabkan penagihan dadah melalui perkongsian jarum suntikan tetapi sejak 2010, punca utama tersebarnya virus HIV ialah hubungan seks rambang,” katanya pada majlis promosi kempen sempena Hari Memperingati Aids Antarabangsa 2013 (IAMD) di stesen Kuala Lumpur Sentral di sini, semalam.

Turut hadir Pengurus Besar (Perkhidmatan Komuter) KTMB Mohd Hider Yusoff dan Pengerusi Penganjur IAMD Dr Rosnida Mohd Noh.

Program anjuran Hospital Sungai Buloh (HSB) bersama Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) itu diadakan pada 18 Mei ini di Auditorium HSB disertai 160 sukarelawan termasuk pelajar kolej

swasta dan universiti tempatan.

Lee berkata jangkitan AIDS melalui hubungan seks rambang antara pasangan berlainan jantina meningkat sehingga 45 peratus pada 2011 berbanding hanya 4.8 peratus pada 1990.

“Sehingga Mac tahun ini, jumlah pesakit dijangkiti virus HIV di Malaysia 100,000 dan dari segi jantina, tidak lagi dimonopoli lelaki kerana jumlah wanita yang menghidapi penyakit itu meningkat 20 peratus,” katanya.

Beliau berkata sehingga tahun lalu, 18,000 penghidap AIDS menerima rawatan dan ubat-ubatan percuma Kementerian Kesihatan Malay

sia (KKM).

“Jika pesakit HIV menerima rawatan dan mengamibil ubatan sebaiknya, peluang hidup lama lebih cerah. Ada rekod pesakit yang menjalani rawatan intensif mampu hidup walaupun 20 tahun menghidapi AIDS.

“Bagaimanapun pesakit perlu bergantung kepada ubat-ubatan sepanjang hayat. Jika tidak ia boleh mengakibatkan kuman merebak cepat sehingga merosakkan sistem pertahanan badan,” katanya.

Sementara itu, KTMB menyediakan perkhidmatan komuter percuma dari stesen Kuala Lumpur Sentral ke stesen Sungai Buloh kepada sukarelawan yang terbabit pada program yang diadakan hujung minggu ini.

Headline	100,000 dijangkiti HIV		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 May 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	29	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	356 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,098
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,294



FAKTA
 Penghidap AIDS
 wanita meningkat
 20 peratus

LEE (tengah) menunjukkan baju-T yang akan diberikan kepada sukarelawan sambil diperhatikan Mohd Hider (kanan) dan Rosnida.